

## **DILEMA ETIKA DALAM KALANGAN KAUNSELOR PELATIH: KAJIAN KES**

**Shazrul Shafiq Deranii\*** & Nurul 'Ain Mohd Daud  
Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak  
**MALAYSIA.**

[nurul.ain@fppm.upsi.edu.my](mailto:nurul.ain@fppm.upsi.edu.my)

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dilema etika dalam kalangan kaunselor pelatih semasa internship kaunseling di sekolah. Kajian ini turut meneliti strategi kaunselor pelatih dalam menangani dilema etika serta mengetahui halangan-halangan yang dihadapi mereka untuk menyelesaikan dilema etika tersebut. Kajian ini melibatkan seramai 11 orang pelajar semester akhir di salah sebuah insititusi pendidikan tinggi di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah temu bual yang dijalankan telah dilakukan secara individu dan secara kumpulan fokus. Lima orang peserta kajian ditemu bual secara individu manakala enam orang lagi dilakukan secara kumpulan fokus. Dapatan data yang diperoleh kemudian dianalisis secara manual. Hasil kajian menunjukkan dilema etika yang dihadapi oleh kaunselor-kaunselor pelatih iaitu berkaitan kerahsiaan, identiti profesional kaunselor, tanggungjawab kaunselor terhadap klien dan penyeliaan pensyarah penyelia dan kaunselor pembimbing. Hasil dapatan kajian juga mendapati kaunselor pelatih menggunakan strategi menjelaskan mengenai etika dan prinsip kepada klien, membuat keputusan dengan bijak, merujuk kepada pakar dalam bidang kaunseling dan mengelakkan. Terdapat dua halangan iaitu halangan dalaman dan luaran yang dihadapi oleh kaunselor pelatih. Berdasarkan dapatan kajian yang didapati, beberapa implikasi dan cadangan turut dibincangkan.

---